

Jangan nilai terlalu tinggi kpd kelayakan

11.00 27 FEB 1977
PASIR MAS 20 Feb. Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan supaya jangan diberi nilai terlalu tinggi kepada kelayakan kertas kerana ia tidak dapat menjamin kemampuan seseorang itu.

Katanya, adalah perlu disedari bahawa kemampuan seseorang itu menjalankan sesuatu tugas atau urusan tidak dapat dijamin sepenuhnya oleh sijil atau ijazah yang dimilikinya.

"Bagaimanapun, kita harus menerima bahawa seseorang yang memiliki sijil atau ijazah mempunyai kemungkinan yang lebih besar untuk menjalankan kerja dan tugas dengan jaya", ujar beliau.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran berucap merasmikan bangunan tambahan dan mengisytiharkan nama baru Sekolah Kebangsaan Tendung di sini hari ini.

Sekolah itu dinamakan Sekolah Kebangsaan Othman Talib sebagai penghargaan kepada pengasasnya, Allahyarham Penggawa Encik Othman bin Talib yang mengusahakan penubuhan sekolah itu pada tahun 1921.

Menurutnya, masyarakat hari ini masih banyak

Kerana ia tidak dapat menjamin kemampuan seseorang - Dr. M

memberi terlalu tinggi nilai kepada kelayakan kertas atau kelulusan sijil sehingga boleh menimbulkan rasa keciwa di kalangan mereka yang gagal.

"Tetapi tidak semua calon yang gagal itu akan gagal dalam hidup mereka pada masa depan dan tidak pula semua yang lulus akan terjamin seratus peratus hidup mereka berjaya", katanya.

Beliau menyeru mereka yang gagal, terutamanya dalam peperiksaan SRP/LCE atau SPM/MCE supaya menganggap kegagalan itu sebagai satu ujian dalam hidup dan bergiat dalam apa jua bidang yang sesuai dengan kelayakan dan jiwanya.

Dalam hubungan ini, kata Dr. Mahathir, ibu-bapa dan masyarakat mempunyai peranan yang penting supaya sebarang rasa keciwa dapat dielakkan.

Beliau menambah, pelajaran dan ilmu pengetahuan hari ini perlu dirancang mengikut kehendak negara yang memerlukan tenaga mahir ke arah memodenkan perusahaan pertanian dan perindustrian.

Matlamat

Sebagai langkah mencapai matlamat itu, katanya, kerajaan akan membina sebuah lagi Sekolah Menengah Sains dan sebuah Sekolah Menengah Vokasional Pertanian di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di negeri ini.

Di bawah rancangan itu juga kerajaan telah menguntukkan lebih \$30 juta bagi projek-projek pemajuan pelajaran di Kelantan.